

Nazir Razak mahu abangnya memenangi pilihan raya untuk kestabilan ekonomi
Malaysian Insider
Mac 21, 2013
Oleh Clara Chooi

KUALA LUMPUR, 21 Mac — Perubahan kerajaan akan mengecewakan pelabur di sini, kata Ketua Kumpulan CIMB Datuk Seri Nazir Razak, dan mengatakan kestabilan ekonomi sebagai jawapan untuk abangnya, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak, kekal di Putrajaya selepas Pilihan Raya 2013.

“Jika ada perubahan, ia hanya akan mengecewakan pelabur, dan mereka perlu mengkaji semula pelaburan di Malaysia,” katanya kepada personaliti Bloomberg TV, Susan Li, di Hong Kong.

Bloomberg difahamkan kerajaan Najib mengenalpasti projek swasta bernilai RM1.39 trillion (AS\$444 billion), termasuk projek keretapi transit aliran massa (MRT) dalam usaha membina pertumbuhan dan pembangunan ekonomi untuk dekad akan datang.

Saluran TV berita perniagaan itu juga difahamkan rancangan Malaysia untuk mengurangkan defisit kepada 3 peratus dari keluaran dalam negara kasar (KDNK) menjelang 2015 daripada 4.5 peratus tahun lalu.

Najib, perdana menteri keenam kelihatan yakin menjelang pilihan raya, mengatakan pendapatan kasar negara (GNI) meningkat sebanyak 49 peratus dari AS\$6,670 (RM20,677) kepada AS\$99,700 antara 2009 ke 2011, walaupun angkanya diragukan.

Sementara angka ekonomi menunjukkan peningkatan di bawah BN, Najib juga memberi inisiatif termasuk pemberian tunai kepada warga miskin dan mencipta peluang pekerjaan kepada anak muda.

Bloomberg melaporkan ekonomi negara berkembang AS\$288 billion dalam masa dua tahun, dan Najib mendahului dalam pilihan raya kali ini.

Inisiatif perdana menteri menyebabkan beliau popular dari parti dan kerajaan, dengan kajian dari Merdeka Center menunjukkan sokongan beliau sekitar 61 peratus, turun dari 63 peratus Disember lalu.

Tetapi kerajaan dan partinya cuma mendapat 40 peratus dalam sokongan, melihat kepada betapa pentingnya usaha beliau melihat BN menang majoriti dua pertiga yang gagal diperolehi dalam Pilihan Raya 2008.

Walaupun mempunyai sokongan yang selesa, ramai menjangkakan persaingan ke Putrajaya dalam pilihan raya yang paling sengit, dengan Bloomberg mengatakan ia “paling kompetitif” dalam sejarah sejak tsunami politik 2008 di mana BN tewas di lima negeri dan kehilangan dua pertiga majoriti.

Pada ketika itu, Pakatan Rakyat (PR) masih belum ditubuhkan.

Hari ini, PR berkempen dalam platform anti rasuah, dan menjanjikan kereta yang murah, pendidikan percuma, tarif elektrik dan gas lebih rendah, dan yakin mampu untuk menang, kata pemimpinnya Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dalam temubual terbaru awal bulan ini, Anwar mengulangi keyakinannya menang dengan kelebihan 10 buah kerusi kepada PR, mengulangi keyakinan kemenangan PR.

"Saya tidak mahu kelihatan terlalu yakin, tetapi saya melihat trend sekarang lebih selesa, lebih 10 adalah selesa," kata Anwar dalam temubual tersebut.

Anwar juga yakin memenangi Perak dan Negeri Sembilan, dan mengekalkan Pulau Pinang, Selangor, Kelantan dan Kedah.

Saluran TV berita perniagaan itu mengatakan ketidaktentuan dalam pusingan akhir sebelum pilihan raya menyebabkan Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) di Bursa Malaysia jatuh 3.7 peratus sejak 7 Januari, penurunan paling teruk di Asia Tenggara tahun ini.

Ringgit Malaysia susut nilai 2 peratus tahun ini. Kewangan kerajaan Malaysia dianggap antara paling lemah di Asia dan ramai pakar ekonomi mahu implementasi GST diadakan bagi meningkatkan pendapatan kerajaan.

Agensi penarafan global seperti Standard and Poor's (S&P) dan Fitch tahun lalu memberi amaran penarafan Malaysia akan terus diturunkan jika tidak mengikut perubahan yang dimahukan dalam kewangan.

Fitch Rating pada Ogos tahun lalu berkata Malaysia masih belum menyakinkan rancangan untuk menangani ancaman fiskal dalam defisit bajet persekutuan dan hutang negara walaupun terdapat peningkatan pengurangan kredit.

"Saya faham kenapa pasaran begitu bimbang. Peranan kerajaan Malaysia dalam ekonomi sangat penting.

"Keputusan pilihan raya adalah "penting untuk hala tuju negara dari sudut ekonomi," kata Nazri lagi.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/nazir-razak-mahu-abangnya-memenangi-pilihan-roya-untuk-kestabilan-ekonomi/>